

# Kolej Kediaman Tun Mustapha UMS terima 355 pelajar baharu

UB 4.9.2015 A15

Oleh JOHAN AZIZ

**KOTA KINABALU:** Kolej Kediaman Tun Mustapha (TM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menerima seramai 355 pelajar baharu daripada keseluruhan 3,583 orang yang diterima masuk ke UMS bagi sesi 2015/2016.

Sesi pendaftaran pelajar baharu telah diadakan pada 31 Ogos dan 1 September yang diadakan Dewan Serbaguna Kolej Kediaman TM UMS di sini.

Ahli jawatankuasa Minggu Suai Mesra (MSM) Kolej Kediaman TM terdiri daripada 25 orang yang diketuai oleh Mohd Aimran Mohd Yunus selaku yang dipertua telah mula menerima pelajar yang datang lebih awal beberapa hari sebelum pendaftaran rasmi universiti bermula.

Sebelum bermulanya pendaftaran pelajar baharu, ahli jawatankuasa kolej kediaman telah membuat pelbagai persiapan fasiliti kolej kediaman termasuk bilik pelajar diselenggara bagi memastikan keadaan bilik sentiasa berada di dalam keadaan yang terbaik untuk keselesaan pelajar.

Pada hari pertama pendaftaran di Kolej Kediaman TM, pelajar ditemani oleh ibu bapa masing-masing yang hadir seawal jam 7 pagi bagi memastikan mereka boleh mendaftar awal.

Bahagian sambutan dan

penginapan kolej kediaman telah membawa pelajar ke blok yang telah ditetapkan setelah mereka selesai melakukan pendaftaran. Informasi mengenai kolej kediaman juga telah diedarkan kepada para pelajar bagi memastikan mereka tahu nombor yang hendak dihubungi sekiranya berlaku sebarang masalah.

Dengan inisiatif daripada pihak kolej kediaman TM, beberapa buah kenderaan telah digunakan bagi membantu membawa beg-beg pelajar dari lapangan terbang dan terminal ke kolej kediaman.

Bahagian Keusahawanan Kolej Kediaman juga menjalankan jualan yang merangkumi barang keperluan asas seperti baldi, penyangkut baju, bantal dan juga air minuman. Bagi memudahkan pelajar, terdapat beberapa pakej telah dijual yang menawarkan harga lebih rendah berbanding mereka membeli barang secara berasingan.

Tinjauan sepanjang pendaftaran pelajar baharu mendapati para pelajar yang telah mendaftar menyatakan bahawa mereka berasa bersemangat untuk mendaftar ijazah pertama di UMS.

Mereka turut berasa gembira dengan layanan mesra yang diberikan oleh ahli jawatankuasa kolej kediaman dan bersyukur ditempatkan di kolej kediaman ekoran bilik dan perabot yang disediakan amat menyelesaikan pelajar.




**PEMBIMBING Suai Mesra (PSM) Kolej Kediaman Tun Mustapha.**

Salah seorang bapa kepada pelajar baharu, Moslim Haji Tamin, 47, yang berasal dari Limbang, Sarawak amat berpuas hati dengan layanan dan pengurusan pihak kolej kerana sepanjang jalan menuju ke kolej kediaman, pihak pengurusan sentiasa memberi penunjuk arah sehingga mereka juga turut mengiringi anak masuk ke blok kolej kediaman.

Sementara itu, Kaliyammah yang berasal dari Selangor sangat teruja kerana anaknya mendapat tawaran di UMS.

Beliau berpendapat semasa menunggu sesi pendaftaran Kolej Kediaman TM memberikan keselesaan kerana



**PELAJAR mendaftar kolej kediaman melalui sistem.**

panorama yang amat mendamaikan pelajar yang tinggal di kolej itu, tambahan pula perabot dan kelengkapan di setiap blok pelajar amat memuaskan dan mencukupi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof Madya Dr Ismail Ali turut mengadakan lawatan ke tempat pendaftaran di kolej itu dengan diiringi oleh Pengetua Kolej TM Lt Kol (PA) Dr Mohamad Nizam Nazarudin.

Nizam memuji usaha pembimbing mahasiswa yang telah banyak bertungkus lumus memastikan perjalanan pendaftaran pelajar baru ber-



**PROF Madya Dr Ismail Ali bersama Lt Kol Dr Mohamad Nizam melakukan lawatan ke kaunter pendaftaran pelajar baharu.**



**PSM sedang mengiringi pelajar dan ibu bapa ke blok kolej.**



**GERAI jualan yang menjual keperluan asas yang dilaksanakan oleh exco keusahawanan Kolej Tun Mustapha.**



**SUASANA kafeteria Kolej TM yang bersih dan kemas.**

jalan lancar.

Beliau turut berpesan kepada ibu bapa supaya tidak risaukan anak-anak mereka kerana Kolej Kediaman itu mementingkan keselamatan, disiplin dan kebajikan penghuninya.

Selepas Minggu Suai Mesra, pelbagai aktiviti telah direncanakan bagi memastikan kolej kediaman disegani yang

dapat menampilkan kecemerlangan dari segi akademik dan kokurikulum.

Kolej Kediaman TM juga turut menempatkan pelajar unit beruniform seperti Suxsi, Palapes Udara, Palapes Darat, Palapes Laut dan Sispa yang turut merencanakan lagi suasana kolej kediaman yang bermottokan, 'Intelektual, Pendidikan dan Identiti'.



**NIZAM bersama barisan ahli jawatankuasa PSM Kolej Kediaman Tun Mustapha.**